

# Pupuk budaya lestarikan alam sekitar

Pusat Minda Lestari (PML) laksana pelbagai program libatkan murid prasekolah

UB 6.11.2019 7

KOTA KINABALU: Pusat Minda Lestari (PML) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah melaksanakan pelbagai usaha dalam memupuk dan menerapkan budaya mencintai dan melestarikan alam sekitar dalam kalangan murid-murid prasekolahnya.

Antara usaha itu termasuklah menjalankan kerjasama erat dengan Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP) UMS melalui Program Rakan Borneensis Junior melibatkan murid-murid PML berumur 5 hingga 6 tahun yang diadakan pada awal bulan Mac tahun ini.

Demikian menurut Pendaftar UMS Vina Zahriani Yusof ketika menyampaikan ucapan perasmian Majlis Graduasi PML kali ke-9 yang berlangsung di Dewan Kuliah Pusat 1, UMS baru-baru ini.


Vina berkata, Program Sambutan Hari Kanak-Kanak dan Guru baru-baru ini juga menyaksikan PML mengadakan kerjasama dengan Pusat Pengurusan EcoCampus UMS bagi menjalankan aktiviti berkaitan kelestarian alam.

"Usaha ini layak diberi pujian kerana pengisian program tersebut secara tidak langsung menunjukkan sokongan kita terhadap agenda EcoCampus seterusnya memberikan kesedaran mengenai pentingnya menjaga kelestarian alam sekitar kepada murid-murid PML.

"Ini juga merupakan satu proses pembelajaran yang dapat mendidik anak-anak kita untuk menghargai alam sekitar dari awal usia dan diharapkan akan terus



RASMI: Vina (tengah) menyempurnakan perasmian Majlis Graduasi PML UMS Kali Ke-9.



SIJIL: Vina menyampaikan sijil graduasi kepada salah seorang kanak-kanak.



ALBUM: Vina merakamkan gambar bersama tetamu dan kanak-kanak yang bergraduasi.

tersemat di jiwa mereka sehingga dewasa," katanya.

Vina menambah, tema Majlis Graduasi PML, iaitu Keajaiban Rimba Tropika juga adalah sangat sinonim dengan usaha PML untuk mempelbagaikan kaedah pembelajaran yang bukan hanya tertumpu di dalam

kelas semata-mata tetapi pembelajaran berasaskan Nature Learning.

"Usaha PML dalam meningkatkan tahap pengajaran dan pembelajaran bagi murid-murid PML juga harus dibanggakan, kerana pada tahun ini, PML telah melaksanakan cadangan

untuk memasang papan pintar atau Smart Interactive Board untuk pengajaran dan pembelajaran di Tadika.

"Ini bermakna PML telah selangkah ke hadapan bersama-sama piatak universiti dalam menyahut seruan Transformasi IR4.0, dan merupakan langkah yang

bijak bagi terus meningkatkan kecemerlangan pendidikan awal kanak-kanak seiring dengan objektif penjenamaan semula PML untuk menjadikannya sebagai pusat rujukan dalam bidang tersebut," katanya.

Pada majlis itu, Vina turut menyampaikan sijil graduasi kepada 32 murid-murid PML berumur 6 tahun yang bakal menjelaskan kaki ke peringkat sekolah rendah tahun hadapan.

Hadir sama pada majlis itu, Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka merangkap wakil daripada Rumah Kebajikan Kota Kinabalu Norjanah Yusof, Dekan Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan Prof. Madya Dr. Patricia Matanjun, Pengarah PML

Aidah Nordin, Pengerusi Jawatankuasa Modul PML Dr. Connie Shin@ Connie Cassy Ompok, Ahli Jawatankuasa Pelan Pemakanan PML Dr. Yasmin Ooi Beng Houi dan Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru PML Samsuidin Nurdin.